

ABSTRAK

Amirul Bin Sabu, 190103020465, *Pembacaan Ayat-Ayat Al-Quran dalam Tradisi Pengebumian Jenazah di Kampung Empila Kota Samarahan Sarawak*, Penbimbing (1) Dr. Dzikir Nirwana, M. Ag dan Penbimbing (2) Dr. Ali Muammar Zainal Abidin, S.S.I, MA.

Kata Kunci: Tradisi Pengebumian Jenazah, Living Al-Quran, Sarawak

Di Malaysia kaya dengan berbagai macam adat atau tradisi yang beraneka ragam sejak dari kehidupan manusia purba dizaman persejarah. Tindak balas masyarakat tersebut terhadap alam merupakan gambaran dari corak hubungannya terhadap alam sekitar dan ekologi. Setiap makhluk yang hidup di muka bumi ini pasti akan menghadapi kematian nanti, dimaksudkan kematian adalah ketetapan yang harus dilalui oleh setiap makhluk hidup yang diciptakkan oleh Allah SWT dan tidak ada satu pun makhluk yang terlepas dari kematian melainkan Allah SWT.

Jenis penelitian yang digunakan adalah penelitian lapangan (field research) yang melibatkan peneliti untuk turun ke lapangan untuk membuat kajian terhadap Tradisi Pengebumian Jenazah Di Kampung Empila, dengan menggunakan metode wawancara dan dokumentasi sebagai bilah pisau penelitian lapangan. Data primer merupakan sumber data yang langsung memberikan data kepada pengumpulan data. Dalam mendapatkan data primer tersebut diantaranya ayat-ayat yang digunakan sebagai bacaan dalam pengebumian jenazah seperti Surah Al-Fatihâh, Ayat Kursi, Surah Yasin, Surah Al-Ikhlâs, Surah Al-Falâq dan Surah An-Nâs, lafaz bacaan Talqin serta Doa dan Data skunder merupakan sumber data yang tidak langsung memberikan data kepada pengumpul data, misalnya lewat orang lain atau melalui lisan atau tulisan yang berkaitan dengan Profil Kampung Empila atau Geografi Kampung Empila dan Keadaan Kampung Empila yang merupakan sebuah kampung tradisional yang tersusun terletak di Daerah Kota Samarahan dan dahulunya dikenali sebagai Sameran. Lokasi kira-kira 12 kilometer dari Bandar Kota Samarahan Kampung Empila yang berhampiran dengan Kampung Niup dan Kampung ini terletak di bahagian timur Bandar Samarahan. Proses pelaksanaan jenazah dalam pengebumian jenazah

Penelitian ini bertujuan Untuk mengetahui ayat-ayat Al-Quran yang digunakan sebagai bacaan pengebumian jenazah di Kampung Empila, termasuk juga tata cara pelaksanaan dalam majelis pengebumian jenazah di Kampung Empila Sarawak dan mengetahui tujuan masyarakat Kampung Empila dalam bacaan ayat-ayat Al-Quran terhadap pengebumian jenazah di Kampung Empila. pengebumian jenazah di kampung Empila berfokuskan apabila jenazah sudah bersedia untuk dibawakan ke tanah kuburan sambil di bawa diatas bahu ahli keluarga dan ikuti dengan tata cara pelaksanaan pengebumian jenazah dan ayat-ayat digunakan dalam pengebumian jenazah dan tujuan bacaan ayat-ayat Al-Quran terhadap masyarakat kampung Empila.

Untuk memperoleh keberkahan dari Allah SWT dengan bertakwa kepada Allah SWT atau melakukan perkara atau kebajikan yang baik, tujuan bacaan ayat-ayat Al-Quran ini, membuat orang yang hadir rasa seperti sadar apa yang di bacakan oleh tokoh agama mengenai kematian tadi, seringkali memberikan rasa rendah hati, rasa seperti terkena tusukan yang tajam pada diri kita dengan bacaan ayat-ayat Al-Quran tadi.

Mengingat dengan kematian dapat menghindari diri kita untuk melakukan perbuatan yang jahat atau melanggar perintah Allah SWT. tujuana ini memberikan kita satu perasaan untuk setiasa bersiap-sedia dengan kedatangan kematian dan merasakan rasa sedih juga karena apa yang dilalui oleh si mati tadi akan pasti di lalui oleh kita ini juga suatu hari nanti.